

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1993/94**

**April 1994**

**FEL 304 Dadah dan Masyarakat**

**Masa: (2 jam)**

---

Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** soalan dan 4 muka surat yang bertaip.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Seorang bekas penagih telah diundang memberi ceramah di suatu perhimpunan. Berikut ceramah tersebut, sebuah dokumentari telah ditayangkan untuk menunjukkan kegiatan penagih semasa mengambil dadah.

Dalam scenario di atas:

- a. ramalkan apa yang mungkin berlaku pada bekas penagih tersebut dan mengapa.
- b. bincangkan bagaimana relaps dapat berlaku di dalam kes ini.
- c. sebutkan pilihan yang ada untuk mengekalkan abstinens dan nyatakan rasional bagi kejayaan yang mungkin tercapai.

(20 markah)

2. Seorang penagih telah diasing selama tiga minggu tanpa dadah heroin. Penagih ini telah terlibat dalam penyalahgunaan dadah selama 12 tahun dan telah mengikuti rawatan di Pusat Serenti sebanyak dua kali dalam jangkamasa ini.

- (a) Bincangkan apa yang mungkin berlaku pada penagih dalam masa pengasingan ini.
- (b) Memandangkan sejarah penagih seperti di atas, beri cadangan anda tentang cara terbaik untuk mengendalikan rawatan penagih tersebut.
- (c) Bolehkah (a) metadon dan (b) naltrekson dipertimbangkan untuk penagih dalam masa pengasingan. Nyatakan sebab-sebabnya.

(20 markah)

3. Bincangkan aspek tolerans dan dependens bersabit dengan dua daripada tiga dadah berikut:

- (a) LSD
- (b) amfetamin
- (c) nikotin

Jelaskan kaitan tolerans ini dengan corak penggunaan dadah tersebut secara global.

(20 markah)

4. Beri ulasan tentang perkara-perkara berikut:

- (a) kerjasama antarabangsa dalam aktiviti kawalan dan pencegahan
- (b) sumbangan data morbiditi dan mortaliti dadah dalam perancangan kawalan dadah
- (c) aspek motivasi dan kawalan diri berbanding paksaan dalam rawatan
- (d) Pendekatan komuniti terapeutik, prinsip dan kelebihannya dalam rawatan penagihan dadah

(20 markah)

5. (A). Bincangkan bagaimana penggunaan dadah telah berubah mengikut pertukaran zaman, teknologi dan budaya. Kaitkan perubahan ini kepada masalah dan implikasi penagihan ke atas sesebuah komuniti. Beri contoh-contoh sesuai.

(10 markah)

...4/-

- (B). Beberapa jenis dadah/drug dianggap menghasilkan penggunaan sosial di negara ini. Bincangkan pernyataan ini dengan menitikberatkan aspek tolerans dan dependens serta isu-isu yang berkaitannya.

(10 markah)

6. (A). Sebuah komuniti sedang dikaji status aktiviti penagihan dadah di kalangan penduduknya. Terangkan data-data asas yang diperlukan bagi membantu merancang polisi bagi aktiviti pencegahan. Bincangkan faedah yang dihasilkan daripada kajian tersebut untuk mempelihara kesejahteraan penduduk di situ.

(12 markah)

- (B). Lima peratus daripada penduduk di atas didapati pengguna kanabis melalui ujian air kencing. Berdasarkan pengetahuan anda tentang dadah ini, terangkan

- i. kesan penagihan secara fizikal
- ii. keadaan penagih apabila bekalan terputus sama sekali
- iii. keupayaan kanabis dapat menarik pengguna-pengguna baru
- iv. faedahnya kepada mereka yang menghidap penyakit tertentu

(8 markah)

-ooOoo-